



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENTERJEMAHAN METAFORA DALAM KITAB *RIYADH AL-SALIHIN*

SAIFULAH SAMSUDIN

FBMK 2015 75



**PENTERJEMAHAN METAFORA DALAM
KITAB *RIYADH AL-SALIHIN***

Oleh

SAIFULAH SAMSUDIN

**Tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Mei 2015

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain adalah bahan hak cipta Universiti Putera Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putera Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putera Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**PENTERJEMAHAN METAFORA DALAM
KITAB *RIYADH AL-SALIHIN***

Oleh

SAIFULAH SAMSUDIN

Mei 2015

Pengerusi : Prof. Madya Muhammad Fauzi Jumingan, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Penterjemahan metafora dianggap satu isu penting dalam bidang penterjemahan. Kebanyakan metafora terikat dengan aspek budaya serta aspek linguistik teks sumber dan sudah pasti keadaan ini menyukarkan proses penterjemahan ke bahasa sasaran. Justeru, kajian ini memfokus kepada aspek penterjemahan metafora ke dalam bahasa Melayu yang terdapat dalam hadith Nabi Muhammad S.A.W. Objektif utama kajian adalah mengenal pasti metod penterjemahan metafora dalam korpus pilihan di samping mengaplikasi prosedur terjemahan metafora yang diperkenalkan oleh Newmark ke atas korpus pilihan serta menilai kesesuaian penterjemahan metafora korpus.

Bagi mencapai objektif ini, pengkaji menggunakan teori terjemahan Semantik dan Komunikatif yang diperkenalkan oleh Newmark. Tatacara penterjemahan metafora dalam korpus kajian turut dikenal pasti dengan menggunakan prosedur terjemahan metafora yang dicadangkan oleh Newmark. Data kajian diambil daripada terjemahan al-Hadith yang terdapat dalam kitab Terjemahan *Riyad al-Salihin* terbitan Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri. Sebanyak 48 metafora dijadikan sebagai sampel kajian.

Kajian ini mendapati, metafora korpus kajian dapat dinilai dengan menggunakan teori Semantik & Komunikatif. Dapatan menunjukkan tiga jenis pendekatan terjemahan metafora yang diguna pakai dalam korpus kajian iaitu, penterjemahan semantik, penterjemahan komunikatif serta gabungan antara penterjemahan semantik dan komunikatif. Dari aspek teknik terjemahan, kajian menunjukkan korpus kajian hanya menggunakan empat prosedur terjemahan metafora daripada tujuh prosedur yang diperkenalkan Newmark dengan prosedur pengekalan imej yang sama dalam bahasa sasaran menunjukkan penggunaan yang paling tinggi. Manakala, dari aspek penilaian terjemahan, terdapat tiga kategori hasil terjemahan iaitu terjemahan yang diterima, terjemahan yang diterima dengan pemurnian dan terjemahan yang perlu diubah.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SINGKATAN PERKATAAN	xii
JADUAL TRANSLITERASI	xiii

BAB

1	Pengenalan	1
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	4
1.4	Persoalan Kajian	7
1.5	Objektif Kajian	8
1.6	Kepentingan Kajian	8
1.7	Batasan Kajian	10
1.8	Definisi Operasional	10
1.8.1	Metafora	11
1.8.2	al-Hadith	11
1.8.3	Terjemahan Semantik dan Komunikatif	12
1.8.4	al-Isti'arat	13
1.9	Kesimpulan	14
2	Sorotan Kajian Literatur	15
2.1	Pendahuluan	15
2.2	Kajian Literatur Berkaitan Metafora	15
2.2.1	Analisis Isti'arat dalam Kitab Riyad al-Salihin	15
2.2.2	An Analysis of The Translation of Metaphors In Hafiz's Selected Poems	17
2.2.3	Terjemahan Metafora Melayu ke Bahasa Perancis: Analisis Novel Salina	19
2.2.4	Namuzaj min al-Isti'arat fi al-Quran wa Tarjamatuha bi al-Lughat al-Injliziyyat	20
2.2.5	Metaphors In The Translation Of English Technical Texts Into Malay: A Preliminary Study	22
2.2.6	Kajian Metafora yang Menunjukkan Sikap dalam Buku Motivasi the Secret	23
2.3	Kajian Berkaitan Bidang Terjemahan Arab-Melayu	23
2.3.1	Ketepatan Padanan Terjemahan Puisi Arab dalam kitab La Tahzan: Satu Analisis Bandingan	24

2.3.2	Permasalahan Penterjemahan Arab Melayu: Satu Analisis Teks Sastera	24
2.3.3	Naql al-Suwar al-Bayaniyyat min al-'Arabiyyah ilaal-Malayuwiyyat: Dirasat Tahliliyyat fi Tarjamat Ibn Batutat	25
2.3.4	Penterjemahan Bahasa Figuratif Arab-Melayu: Satu Analisis Teori Relevans	27
2.3.5	Terjemahan Hadith Nabi S.A.W ke dalam bahasa Melayu: Analisis Terhadap Kitab Riyad al-Salihin Terbitan JAKIM	29
2.4	Analisis Kritis	29
2.4.1	Analisis Berkaitan Terjemahan Metafora	29
2.4.2	Kerelevanan Kajian Lepas dengan Kajian 'Penterjemahan Metafora dalam Kitab Riyad al-Salihin'	29
2.5	Kesimpulan	34
3	METODOLOGI KAJIAN	35
3.1	Pendahuluan	35
3.2	Reka Bentuk Kajian	35
3.3	Kajian Korpus	36
3.4	Korpus Kajian	37
3.5	Rasional Pemilihan Korpus	38
3.5.1	Kitab Terjemahan Riyad al-Salihin (KTRS)	38
3.5.2	Buku-Buku syuruh al-Hadith	38
3.6	Pengumpulan Data	39
3.7	Kaedah Analisis Data	43
3.7.1	Analisis Kontrastif	43
3.7.2	Teori Semantik dan Komunikatif	44
3.7.3	Prosedur Penterjemahan Metafora Newmark	47
3.7.4	Analisis Konteks dan Analisis Linguistik	49
3.8	Kerangka Konsep	51
3.9	Penggunaan Kod Dalam Analisis Data	52
3.10	Kesimpulan	53
4	ANALISIS DATA	54
4.1	Pendahuluan	54
4.2	Analisis	54
4.2.1	Analisis Kandungan	54
4.2.2	Rumusan Analisis Kandungan	104
4.3	Kesimpulan	107
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	108
5.1	Pendahuluan	108
5.2	Rumusan	109
5.3	Cadangan Kajian	112
5.4	Kesimpulan	113

RUJUKAN	114
LAMPIRAN	122
BIODATA PELAJAR	145
SENARAI PENERBITAN	146



SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
2.1 Analisis Perbandingan Kandungan Literatur Kajian	33
3.1 Senarai Metafora dalam Kitab Riyad al-Salihin	40
3.2 Ciri-ciri Terjemahan Semantik & Komunikatif	45
3.3 Kerangka Konsep Kajian Penterjemahan Metafora dalam kitab Riyad al-Salihin	51
3.4 Kod-kod bagi Penganalisan Data dalam Bab Empat	52

SINGKATAN PERKATAAN

B
BAHEIS
BF
Bil.
D
KRS
KTRS
JAKIM
J
K
KF
NH
S.A.W
S
SK

Bab
Bahagian Hal Ehwal Islam
Bahasa Figuratif
Bilangan
Data
Kitab *Riyad al-Salihin*
Kitab Terjemahan *Riyad al-Salihin*
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Jilid
Kitab
Komunikatif
Nombor Hadith
Sallallah 'alayh wa sallam
Semantik
Semantik dan Komunikatif

JADUAL TRANSLITERASI

Transliterasi huruf-huruf Arab ke huruf-huruf Rumi ini berdasarkan pedoman yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (1992).

1. Konsonan

Huruf Arab	Transliterasi
ء	,
ب	B
ت	T
ث	Th
ج	J
ح	H
خ	Kh
د	D
ذ	Dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sy
ص	s
ض	d
ط	t
ظ	z
ع	,
غ	gh
ف	f

ق
ك
ل
م
ن
ه
و
ي
ة

q
k
l
m
n
h
w
y
t

2. VOKAL

Pendek	Panjang	<u>Diftong</u>
- a	ا - a	ايه ay
- i	ي - i	او aw
- u	و - u	

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Penterjemahan ialah satu proses yang penting dalam pembangunan peradaban manusia. Kepentingan penterjemahan dalam memindahkan warisan pemikiran antara umat manusia serta pengaruhnya dalam perkembangan ilmu pengetahuan manusia sepanjang sejarah adalah begitu jelas.

Jika dilihat sejarah ketamadunan manusia, didapati tamadun-tamadun terdahulu telah mendapat faedah daripada sumbangan tamadun yang lebih yang telah mendahuluinya. Banyak bukti aktiviti terjemahan menyumbang kepada peningkatan taraf hidup manusia (Abd. Wahid Jais, 2005: 58-61). Aktiviti ini bertanggungjawab memindahkan ilmu pengetahuan dari satu tamadun ke tamadun yang lain serta ia memainkan peranan yang begitu utama dalam mengembangkan lagi sesuatu tamadun.

Sebagai contoh, aktiviti ilmiah pada zaman keagungan Islam adalah ditunjangi oleh gerakan penterjemahan yang aktif, sama ada penterjemahan ilmu dari bahasa asing ke bahasa Arab mahupun sebaliknya. Pada zaman pemerintahan Bani Umayyah, aktiviti penterjemahan berkisar dalam sekitar ilmu-ilmu Yunani tertentu sahaja seperti perubatan, kimia, astronomi, dan falsafah. Namun begitu, aktiviti penterjemahan semakin aktif pada zaman Bani Abbasiyyah.

Kemuncak gerakan penterjemahan berlaku pada zaman pemerintahan khalifah al-Ma'mun. Beliau telah menubuhkan sebuah pusat ilmu dan penterjemahan yang diberi nama *Bayt al-Hikmat* di Baghdad (Abdul Rahman Abdullah, 2007: 208). Terlalu banyak buku berkaitan falsafah telah diterjemah dan berasaskan terjemahan inilah terbinanya disiplin ilmu falsafah Arab-Islam pada kurun pertengahan (Muhammad 'Awniy. 2008: 83). Keagungan ilmiah yang dicapai oleh kerajaan Abbasiyyah melalui *Bayt al-Hikmat* menjadi bukti kepentingan terjemahan dalam pembinaan sebuah tamadun yang berjaya (Mohd Hilmi Abdullah, 2008: 3).

Pada zaman ini, para penterjemah mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi pemerintah Abbasiyyah di samping diberikan upah yang lumayan kerana kerja penterjemahan yang mereka hasilkan. Antara penterjemah yang terkenal pada zaman itu adalah seperti Hunayn bin Ishaq, 'Isa bin Yahya, dan Istafan bin Basil (Najib Ghazawiy, 1998: 36).

Terjemahan lebih signifikan dalam era tamadun moden. Perkembangan ilmu pengetahuan yang rancak dalam pelbagai bidang memerlukan agar kita memperoleh maklumat dengan lebih cepat, sudah pasti kita memerlukan

proses penterjemahan demi membolehkan kita memperoleh maklumat tersebut (Abd. Wahid Jais, 2005: 58-61).

Namun begitu, penterjemahan adalah satu seni yang sukar. Ia memerlukan bakat dan pengetahuan yang tinggi dalam pelbagai bidang, khususnya berkaitan bahasa sumber dan bahasa sasaran. Ia satu kerjaya yang mempunyai disiplin atau yang harus ada disiplinnya yang tersendiri dari segi ilmu pengetahuan penterjemahan dan disiplin dari segi ilmu tatasusila ikhtisas (Hassan Ahmad, 1988).

Ia memerlukan usaha yang besar bahkan lebih besar daripada usaha yang digunakan untuk penulisan sesebuah buku. Hal ini disebabkan penterjemah dibatasi oleh teks penulis serta ideanya. Ia tidak memiliki kebebasan mutlak sebagaimana penulis dalam memilih perkataan dan makna yang dirasakan sesuai (Ibrahim Zakiy Khur Shid, 1985: 5).

Permasalahan dalam menterjemah tidak hanya berlegar sekitar teks sahaja, bahkan adalah menjadi satu kepentingan buat penterjemah untuk memahami dunia yang melatari teks tersebut bagi memahami proses penterjemahan (Bassnet & Lefevere, 1998: 137). Ia bukanlah sekadar proses penukaran leksikon dan ciri tatabahasa antara beberapa bahasa (Bassnet, 1991: 25).

Terjemahan adalah satu bidang yang memerlukan pengetahuan yang luas. Tidak syak lagi keperluan manusia pada masa kini kepada terjemahan adalah lebih mendesak berbanding keperluan kepada penulisan (Ibrahim Zakiy Khur Shid, 1985: 5). Penterjemahan juga akan berhadapan dengan banyak kesilapan disebabkan sama ada oleh keterbatasan pengetahuan atau kerana tidak berhati-hati.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sejarah Semenanjung Tanah Melayu telah menunjukkan bahawa gerakan penterjemahan Arab-Melayu turut mempengaruhi perkembangan tamadun dan peradaban manusia di sekitar kawasan ini, khususnya apabila ia menerima dakwah dan ajaran Islam.

Gerakan penterjemahan kitab-kitab dari bahasa Arab ke bahasa Melayu bermula sejak kurun ke-15, khususnya apabila kerajaan Aceh mengambil alih peranan kota Melaka sebagai pusat penyebaran Islam dan tamadun Melayu di Nusantara (Abdullah Ishak, 1990).

Sejarah turut menunjukkan bahawa kitab pertama yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu adalah pada kurun kelima belas Masihi ketika Sultan Alaudin Riayat Shah, sultan Melaka yang keenam, memerintahkan salah seorang menternya agar menterjemahkan salah satu kitab dari bumi Goa ke dalam bahasa Melayu (Abdullah Ishak, 1990).

Kegiatan ini selalunya dilakukan oleh para pengarang dari alam Melayu yang mendalami ilmu di negara Arab itu sendiri, terutama di Mekah al-Mukarramah (Rosni Wazir, 2010: 40). Para alim ulama yang menyebarkan ajaran Islam dan bahasa Arab melalui penterjemahan beberapa kitab utama berbahasa Arab ke bahasa Melayu telah muncul, antaranya Hamzah Fansuri, Shamsuddin al-Raniri, dan Abdul Rauf Fansuri.

Teks-teks terjemahan yang menjadi fokus para penterjemah sebahagian besarnya melibatkan karya-karya terkenal dalam bidang fikah, akidah, tasawuf, tafsir al-Quran, dan ilmu al-Hadith. Antara kitab-kitab terawal yang diterjemah ialah kitab *al-Aqa'id li al-Nasafi*, *Hidayat al-Salikin*, *Bukhugh al-Maram*, *Minhaj al-'Abidin* dan *Matla' al-Badrayn* (Majdi Ibrahim, 2009).

Penterjemahan kitab-kitab agama ini berdasarkan realiti semasa masih lagi merupakan satu aktiviti yang diberikan fokus utama oleh para penterjemah di Malaysia. Penambahan karya terjemahan berorientasikan bidang pengajian Islam di pasaran menjadi bukti hakikat ini. Buku-buku terjemahan seperti "Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam Islam" (*Tarbiyyat al-'Awlad*) tahun 2000, kitab "Fiqh Mazhab Syafie" (*al-Fiqh al-Manhajiy*), 2005, serta "Aku dan al-Ikhwan al-Muslimun" (*Ana wa al-Ikhwan al-Muslimun*) tahun 2011 merupakan antara buku-buku yang menjadi tumpuan pembaca. Bahkan beberapa buku seperti "Jangan Bersedih" (*La Tahzan*) karangan Dr. 'Aid al-Qarniy telah mendapat sambutan yang amat baik sehingga diterjemah ke dalam bahasa Melayu oleh beberapa penterjemah.

Salah satu disiplin ilmu pengajian Islam yang menjadi fokus para penterjemah Arab-Melayu ialah disiplin ilmu al-Hadith. Terdapat banyak sekali kitab-kitab al-Hadith yang telah diterjemah ke dalam bahasa Melayu, seperti kitab *Mukhtasar Abi Jamrat* dan Hadith 40 terjemahan Mustafa Abdul Rahman, serta *Mukhtasar Sahih al-Bukhari li al-Zabidi* terjemahan Institut Hadis Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (INHAD) pada tahun 2010.

Antara kitab al-Hadith yang mendapat perhatian para penterjemah Arab-Melayu ialah kitab tasawuf berorientasikan al-Hadith susunan al-Imam Yahya bin Syaraf al-Nawawiy (wafat 676 H) yang digelar *Riyad al-Salihin min Kalam Sayyid al-Mursalin*. Kitab ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh beberapa penterjemah, antaranya oleh al-Shaykh Sharif bin Daud al-Bankaliy serta turut diterjemah dan diterbitkan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.

Penterjemahan buku-buku ini tidak dapat dinafikan adalah satu usaha yang amat penting. Menurut Muhammad Bukhari Lubis, kajian yang pernah dijalankan membuktikan bahawa usaha penterjemahan begini daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu, lebih-lebih lagi terjemahan daripada bahasa Melayu ke bahasa Arab, sungguh jauh dari memuaskan (Muhammad Bukhari Lubis, 1993).

Beliau turut menyatakan bahawa berdasarkan perangkaan yang telah dibuat jumlah hasil terjemahan Arab-Melayu hanyalah 720 judul buku sahaja dalam jangka masa Ogos 1957 sehingga April 1992 dalam pelbagai disiplin ilmu khususnya disiplin ilmu-ilmu agama. Perangkaan ini amat kecil kerana ia tidak mencerminkan kesungguhan usaha menterjemah yang sebenar-benarnya (Muhammad Bukhari Lubis, 1993).

Kajian penterjemahan secara teoritis di Malaysia, khususnya penterjemahan Arab-Melayu, jarang dilakukan. Ramai penterjemah Arab-Melayu hanya terlibat dalam amali penterjemahan sahaja. Hal ini terbukti dengan terbitnya ratusan judul karya dan buku agama versi terjemahan dalam bidang syariah, tauhid, tasawuf, falsafah, dan sebagainya (Muhammad Bukhari Lubis, 1993).

Namun satu perkara yang perlu diberi perhatian ialah penekanan terhadap aktiviti terjemahan berasaskan teori dan metod yang khusus. Keperluan berteori dalam bidang terjemahan wajar dianggap agenda yang dapat membawa terjemahan sebagai bidang yang berwibawa (Norwati Yusof, 2005).

Di sebalik aktiviti penterjemahan ini, terdapat beberapa isu penting, antaranya isu ketepatan terjemahan yang berkait rapat dengan metodologi terjemahan yang diterima pakai. Di samping keperluan menguasai bahasa asal dengan baik, aspek penguasaan ilmu berkaitan bidang yang diterjemahkan juga turut menjadi isu yang penting.

1.3 Penyataan Masalah

Permasalahan dasar dalam penterjemahan ialah pemilihan umum metod penterjemahan sesuatu teks, manakala penterjemahan metafora pula menjadi masalah khusus yang paling penting dalam terjemahan (Newmark, 2006). Metafora ialah salah satu daripada beberapa teknik yang dikenali sebagai bahasa figuratif merangkumi *metonimi*, *ironi*, dan *simile*. Kesemuanya menjadi fokus penterjemahan. Tetapi, metafora adalah yang terpenting kerana penggunaannya yang banyak serta ia mempunyai masalah terjemahan yang paling mencabar (Dickins, 2002).

Tujuan utama dan penting metafora adalah untuk memerikan sesuatu benda, peristiwa atau sifat secara lebih tuntas dan padat dan dalam cara agak unik berbanding sekiranya kita menggunakan bahasa yang biasa (Newmark, 2006). Metafora digunakan untuk menghuraikan sesuatu, sama ada abstrak atau konkrit, dengan lebih ringkas, dengan lebih impak emosi, dan kebiasaannya lebih tepat daripada yang mampu dibuat oleh bahasa literal.

Hal ini boleh dilihat pada ayat yang biasa seperti "*Bush slams Buchanan*" (Bush menghentam Buchanan) dengan ayat yang lebih literal "*Bush harshly criticizes Buchanan*" (Bush mengkritik Buchanan dengan kasar) (Dickins, 2002). Justeru, penggunaan metafora pada ayat yang pertama lebih memberikan impak emosi berbanding ayat yang kedua. Namun dari aspek penterjemahan jika diterjemahkan secara semantik maka "*Bush slams Buchanan*" bermaksud: Bush

memukul Buchanan', sudah pasti menimbulkan kekeliruan, adakah benar-benar Bush secara fizikal telah memukul Buchanan, sedangkan maksud yang dikehendaki ialah maksud yang terdapat pada ayat yang kedua.

Metafora boleh membangkitkan kesukaran dalam penterjemahan antara mana-mana dua bahasa kerana bahasa tersebut adalah berbeza secara relatif sama ada dari aspek kebudayaan dan aspek linguistik (Dickins, 2002). Lebih-lebih lagi pembentukan metafora berkait rapat dengan budaya sesuatu bangsa.

Lakoff dan Johnson menyatakan bahawa budaya boleh dianggap berfungsi sebagai menyediakan sejumlah metafora untuk memahami makna realiti. Mereka turut berpandangan untuk hidup bersama metafora bermaksud realiti anda disusun oleh metafora tersebut serta membina persepsi dan tindakan anda berdasarkan pembentukan realiti tersebut (Lakoff dan Johnson, 1980: 12). Pandangan ini jelas menekankan bahawa kebanyakan metafora adalah terikat dengan budaya. Bahasa mencerminkan kebudayaan penuturnya, yakni cara hidup mereka dan juga sekitaran fizikal dan sosial mereka (Asmah Hj Omar, 1993: 3).

Menurut Syed Nurul Akla (2001), menterjemah budaya merupakan suatu masalah yang utama dalam penterjemahan lexis. Fenomena kesukaran ini wujud apabila penterjemah berdepan dengan masalah memahami makna yang terkandung dalam budaya bahasa sumber dan kemudian memindahkannya dengan sepadan dalam budaya bahasa sasaran. Hal ini bermakna selain menguasai ilmu semantik dan teori-teori penterjemahan lain, penterjemah juga memerlukan pengetahuan mendalam tentang kebudayaan bahasa sumber dan bahasa sasaran.

Masalah budaya sering mengganggu proses penterjemahan. Perkara ini akan berlaku sekiranya penterjemah tidak berapa arif tentang budaya teks sumber. Bahasa Arab dan bahasa Melayu tergolong dalam keluarga bahasa yang berbeza (Maheram Ahmad, 2008: 277).

Jika dilihat kepada hadith Rasulullah S.A.W, ia juga turut menggunakan elemen metafora. Beberapa pengkaji seperti Fadl Hassan 'Abbas (1998) telah membincangkan elemen metafora yang dikenali sebagai *al-isti'arat*, yang terdapat dalam hadis Rasulullah S.A.W. secara terperinci dalam bukunya *al-Balaghah: Fununuha wa Afnanuha*.

Bahkan perbincangan berkaitan *balaghah al-hadith* yang merangkumi pelbagai elemen bahasa termasuklah metafora telahpun dihuraikan oleh para ulama Islam terdahulu, khususnya dalam kitab-kitab yang menghuraikan maksud hadith Rasulullah S.A.W. Antara kitab-kitab tersebut ialah *Umdat al-Qariy: Sharh Sahih al-Bukhari* karya Badr al-Din al-Ayniy, *al-Minhaj Syarh Sahih Muslim* oleh Imam al-Nawawiy serta *Dalil al-Falihin li Turuq Riyad al-Salihin* karya Muhammad bin 'Allan al-Siddiqiy. Kitab-kitab ini menggunakan pendekatan secara tidak langsung dalam menghuraikan aspek bahasa dalam

hadis-hadis Rasulullah S.A.W kerana fokusnya ialah maksud dan kefahaman terhadap teks tersebut secara keseluruhannya.

Dalam kajian ini, tumpuan akan diberikan kepada elemen metafora yang terdapat dalam hadith Rasulullah S.A.W dalam kitab *Riyad al-Salihin* (KRS) susunan Imam al-Nawawiy berdasarkan terjemahan yang diterbitkan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri.

Jika dilihat beberapa terjemahan al-Hadith dalam kitab tersebut yang mempunyai elemen metafora, terdapat beberapa permasalahan yang perlu dihuraikan khususnya aspek-aspek yang telah dinyatakan oleh para pengkaji terdahulu. Sebagai contoh sabda Rasulullah S.A.W:

(قَارِبُوا وَسَادِدُوا وَعَلِمُوا أَنَّهُ لَنْ يَنْجُو أَحَدٌ مِنْكُمْ بِعَمَلِهِ وَلَا أَنْتَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: وَلَا أَنَا إِلَّا أَنْ يَتَغَمَّدَنِي اللَّهُ بِرَحْمَةٍ مِنْهُ وَفَضْلٍ)

Terjemahan:

"hendaklah kamu bersederhana dalam beribadat (tidak keterlaluan dan tidak cuai), bertindak lurus dan ketahuilah bahawa tidak seorang pun daripada kamu terselamat kerana amal ibadatnya. Para sahabat bertanya apakah tidak juga engkau wahai Rasulullah? Jawab Rasulullah: "tidak juga aku, kecuali Allah memberi kelebihan dan melindungi dengan rahmatnya".

Metafora yang terdapat dalam hadis ini adalah pada kata kerja *يَتَغَمَّدُ* yang maksud asalnya *"penutupan pedang secara menyeluruh oleh sarungnya"* (al-Syarif al-Radiy, 1967). Penterjemah telah memindahkan makna asal bagi perkataan *يَتَغَمَّدُ* kepada dua kata kerja berbeza: "memberi dan melindungi".

Penggunaan kata kerja *يَتَغَمَّدُ* menunjukkan unsur budaya yang berbeza antara bahasa Arab dengan bahasa Melayu. Pedang serta sarungnya adalah dimaklumi menjadi alat pertempuran yang biasa digunakan oleh masyarakat Arab berbanding budaya Melayu yang lebih hampir dengan keris sebagai alat pertempuran. Perbezaan budaya ini membayangkan sebahagian kekangan yang timbul dalam kalangan penterjemah untuk menterjemahkan metafora ini ke dalam bahasa Melayu, lebih-lebih lagi untuk mengaitkan imej litupan sarung pedang dengan keadaan litupan rahmat yang sempurna.

Dari aspek morfologi pula, pembentukan perkataan ini, yang merupakan kata kerja (الفعل) adalah berasal dari kata nama (الاسم) *الغمد* yang bermaksud *sarung pedang* (Larus, 1988). Untuk berpegang dengan makna asal perkataan tersebut dalam menterjemahkan metafora sudah pasti menimbulkan kekaburan kepada pembaca bahasa sasar (bahasa Melayu). Ini jelas menunjukkan aspek budaya dan ciri linguistik yang berbeza menjadi faktor kesukaran penterjemahan metafora.

Terdapat beberapa makna yang menjadi persamaan antara penutupan sarung pedang dengan litupan rahmat, iaitu litupan yang menyeluruh, sempurna, dan kemas sehingga tidak menimbulkan sedikit ruang yang tidak dilitupi. Makna-

makna ini dapat membantu penterjemah memilih terjemahan yang paling bersesuaian dengan bahasa asal teks al-Hadith.

Dari sini timbul persoalan adakah terjemahan yang diberikan oleh penterjemah itu mengambil kira semua aspek ini hingga melahirkan terjemahan yang diberi atau terdapat terjemahan cadangan lain yang lebih bertepatan dengan maksud sebenar al-Hadith itu?.

Turut timbul persoalan adalah berkaitan teori dan teknik terjemahan yang diterima pakai oleh penterjemah hingga sampai kepada hasil terjemahan yang diberikan. Sudah pasti kedua-dua elemen ini amat perlu ditekankan kerana teks yang diterjemahkan di sini adalah termasuk dalam kategori teks kudus.

Tidak dapat dinafikan hadith Rasulullah S.A.W bukanlah seperti mana-mana ujaran yang diungkapkan oleh manusia biasa. Sudah pasti untuk menghuraikan setiap lafaz yang sukar difahami lebih-lebih lagi al-Hadis yang diklasifikasikan oleh para ulama hadith sebagai *gharib al-hadith*, memerlukan rujukan yang bersesuaian dalam bidang al-Hadith.

Walaupun dalam konteks menterjemah metafora telah digariskan beberapa prosedur oleh para penterjemah, namun peranan *syarh* al-hadith (huraian) oleh para *muhaddithin* tidak boleh dikesampingkan. Imam al-Nawawiy telah menghuraikan lafaz *يُبْسِطِي وَيَسْتُرْنِي* sebagai *يُبْسِطِي* bermaksud: 'memakaikan dan menutupi aku'. Huraian ini amat perlu dalam membimbing penterjemah memahami kehendak *isti'arat* yang digunakan dalam teks tersebut.

Berdasarkan kepentingan hadith Rasulullah S.A.W serta kewujudan unsur metafora yang terdapat di dalamnya, kajian ini akan memberikan fokus kepada aspek penterjemahan metafora dalam KTRS.

1.4. Persoalan Kajian

Persoalan yang perlu dijelaskan dalam kajian ini ialah:

- 1.4.1 Apakah metod yang diterima pakai oleh penterjemah dalam menterjemah metafora dalam kitab tersebut?
- 1.4.2 Adakah prosedur terjemahan metafora Newmark sesuai dijadikan ukuran untuk mengenal pasti teknik terjemahan metafora dalam KTRS?
- 1.4.3 Adakah penterjemahan metafora dalam kitab *Terjemahan Riyad al-Salihin* (KTRS) menepati maksudnya sebagaimana yang dihuraikan oleh kitab *syuruh al-Hadith*?

1.5 Objektif Kajian

Objektif merupakan antara elemen utama bagi sesuatu kajian. Ia mempengaruhi arah kajian tersebut. Antara objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- 1.5.1 Mengenal pasti metod penterjemahan metafora yang diterima pakai dalam korpus kajian melalui pendekatan semantik dan komunikatif.
- 1.5.2 Mengaplikasi prosedur penterjemahan metafora yang dikemukakan oleh Newmark ke atas korpus kajian.
- 1.5.3 Menilai kesesuaian hasil terjemahan metafora dalam hadith korpus kajian serta mencadangkan terjemahan alternatif jika perlu.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini memberikan tumpuan kepada bidang penterjemahan Arab-Melayu dengan menjadikan teks hadith Rasulullah S.A.W sebagai korpus kajian. Skop kajian pula ditumpukan kepada unsur metafora. Kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan-sumbangan berikut:

- 1.6.1 Membantu penterjemah Arab-Melayu dan sebaliknya dalam menangani masalah penterjemahan metafora dalam teks al-Hadith. Kajian ini penting juga dilaksanakan bagi membantu pembaca karya Arab, khususnya mereka yang berkecimpung dalam bidang penterjemahan Arab Melayu. Dengan adanya kajian sebegini, penterjemahan metafora dalam bahasa Arab dapat memberikan makna yang hampir tepat apabila diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.

Azman Che Mat (2010:10) menekankan bahawa perlu mempertingkatkan pembangunan aktiviti penterjemahan terutama Arab-Melayu ini kerana sumber-sumber penulisan agama dan tamadun Islam banyak dihasilkan dalam bahasa Arab. Justeru, usaha menterjemah itu adalah sebahagian daripada usaha dakwah yang perlu dipergiat.

- 1.6.2 Menggalakkan aktiviti penterjemahan di Malaysia, khususnya penterjemahan Arab-Melayu secara teoretis. Sumbangan penterjemahan dalam dunia penterjemahan Arab-Melayu agak berkurangan.

Norwati Yusof (2005) berpandangan bahawa teori umpama mahkota yang mempertingkatkan kesedaran bidang terjemahan. Ia membantu kefahaman bidang. Teori yang sesuai terutama yang mandiri wajar diberi perhatian. Secara umumnya, pada pandangan beliau aplikasi teori yang minimum dalam aktiviti penterjemahan di Malaysia menyebabkan tahap kesahsiah serta keprofesionalan bidang ini di

Malaysia tidak menyerlah sabagai satu disiplin ilmu. Ia menjadi salah satu sebab sukarnya wujud pengiktirafan profesional dalam bidang ini.

Penghasilan buku teori dan teknik penterjemahan Arab-Melayu agak terhad di pasaran berbanding buku teori dan teknik penterjemahan Inggeris-Melayu. Antara buku-buku yang membicarakan teknik dan pedoman penterjemahan Arab-Melayu ialah *Penterjemahan Arab-Melayu: Peraturan dan Dasar* (1998) yang dihasilkan oleh penteori dan pengamal penterjemahan tempatan, Muhammad Bukhari Lubis dan rakan-rakan. Buku ini boleh dikatakan penulisan terawal menyentuh teknik penterjemahan Arab- Melayu.

Antara penulisan lain adalah seperti buku *Teori dan Teknik Terjemahan* (2000) susunan Abdullah Hassan dan Ainon Muhammad, *Teori dan Kaedah Penterjemahan Arab-Melayu* (2008) susunan Mohd Hilmi Abdullah serta buku *al-Tarjamāt bayn al-‘Arabiyyat wa al-Malayuwiyyat: al-Nazariyyat wa al-Mabadi’* (2009) oleh Majdi Hj Ibrahim.

Muhammad Fauzi Jumingan (2003) menyatakan bahawa kajian ilmiah yang bersifat teoretis dalam penterjemahan Arab-Melayu juga kurang dan jarang dibuat. Yang ada pun masih mengandungi kekurangan dan kelemahan. Hal ini mungkin kerana kesilapan memilih teori, atau ketidakperhatian terhadap penggunaan data yang tidak sahih, ataupun kedangkalan ilmu linguistik pengkaji dalam menganalisis kajian secara ilmiah dan teoretis. Tidak kurang juga penteori yang bukan pakar bidang cuba berkarya dalam bidang penterjemahan ini.

Lazimnya, kajian mereka ini memperlihatkan pegangan masing-masing terhadap teori penterjemahan yang dipakai. Tetapi pengkaji sebegini tidak ramai. Antara pengkaji tersebut adalah seperti Muhammad Bukhari Lubis, Maheram Ahmad, Syed Nurul Akla Syed Abdullah, dan Muhammad Fauzi Jumingan. Mereka ini terdiri daripada pengamal dan penteori penterjemahan Arab-Melayu. Namun begitu, hasil kajian mereka masih boleh dianggap penting dan perintis ke arah perbincangan ilmu penterjemahan Arab-Melayu yang lebih sistematik dan bermutu (Muhammad Fauzi Jumingan, 2003).

Kekurangan kajian ilmiah ini adalah kerana kebanyakan penterjemah bukan daripada golongan ahli linguistik tulen serta mereka tidak mendapat pendidikan linguistik secara formal. Yang menjadi pengamal pula hanya berkarya dan menterjemah kerana mereka merasakan bahawa mereka bersifat dwibahasa. Maksudnya, mereka mendapat pendidikan bahasa Arab secara formal, di dalam dan luar negara, khususnya di Timur Tengah serta mereka merasakan bahawa mereka beribundakan bahasa Melayu (Muhammad Fauzi Jumingan, 2003).

- 1.6.3 Menyediakan bahan rujukan bagi bidang kajian dan pengajaran berkaitan terjemahan, khususnya dalam bidang penterjemahan bahasa

Arab ke bahasa Melayu. Diharapkan kajian ini akan menjadi rujukan dan garis panduan kepada semua pendidik yang mengajar bahasa Arab dari peringkat sekolah rendah hinggalah ke peringkat universiti.

Melalui pengalaman peribadi pengkaji, setelah terlibat dengan proses pengajaran kursus Sarjana Muda Bahasa Arab (Terjemahan) yang ditawarkan oleh Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), khususnya apabila diamanahkan untuk mengendalikan subjek Terjemahan Teks Keagamaan, didapati bahan mengajar terjemahan yang berbentuk analisis teks keagamaan (al-Quran dan al-Hadith) adalah amat terhad dan sukar didapati. Untuk mendapatkan satu-satu buku pembelajaran yang khusus mencakupi isu-isu terjemahan dalam teks-teks Islam adalah hampir tiada. Semoga kajian ini dapat mengisi kekosongan tersebut.

1.7 Batasan Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah meletakkan batasan-batasan berikut untuk menjadikan kajian ini lebih fokus:

- 1.7.1 Kajian ini memberikan tumpuan kepada elemen metafora yang merangkumi aspek definisi, pembahagian dan ciri-ciri penting elemen ini. Rasional pemilihan metafora sebagai sampel kajian kerana kesukaran yang terdapat dalam proses penterjemahan elemen ini daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Kesukaran ini berpunca daripada aspek budaya serta aspek linguistik yang mempengaruhi sesuatu metafora dalam bahasa sumber.
- 1.7.2 Fokus diberikan kepada semua al-Hadith yang mengandungi unsur metafora yang terdapat dalam KRS susunan Imam Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf al-Nawawiy berdasarkan terjemahan yang diterbitkan oleh BAHEIS, Jabatan Perdana Menteri dengan tajuk: *Kitab Terjemahan Riyadh al-Salihin (KTRS)*.
- 1.7.3 Aspek terjemahan merangkumi metod serta ketepatan terjemahan daripada teks asal ke teks sasaran menjadi fokus kajian pengkaji.

1.8 Definisi Operasional

Dalam subtopik ini pengkaji akan menyatakan definisi operasional bagi beberapa istilah yang diterima pakai dalam kajian ini. Antaranya adalah seperti berikut:

1.8.1 Metafora

Black (2004: 19) menyatakan bahawa perkataan *metaphor* berasal daripada perkataan Greek, dengan *meta* membawa maksud 'atas' manakala *pherein* mendukung makna 'diangkat'. Oleh itu, metafora merujuk kepada satu set proses linguistik yang sesetengah karakteristik sesuatu subjek 'diangkat ke atas' atau dipindahkan kepada objek yang lain. Oleh yang demikian, objek yang kedua dituturkan atau diaplikasikan seolah-olah ia berada pada kedudukan objek yang pertama. Ia dianggap sebagai bentuk yang paling asas bagi bahasa figuratif (Hawkes, T. 1972: 1).

Menurut Asmah Haji Omar (1996), definisi metafora tidak hanya terbatas sekadar bunga-bunga bahasa atau bahasa yang indah tetapi lebih dalam daripada pengertian itu. Metafora juga menggambarkan sistem konseptual sesuatu bahasa dan kepercayaan terhadap kebudayaan para penutur asli bahasa tersebut.

Metafora boleh didefinisikan sebagai salah satu daripada bahasa figuratif. Ia bermaksud sepatah perkataan atau frasa diterima pakai bukan untuk makna asal. Konsep bukan makna asal ini membawa persamaan atau analogi dengan satu makna lain yang lebih asal daripada perkataan atau frasa yang sama (Dickins, 2002).

Dari segi struktur, metafora ialah kiasan yang tidak menggunakan perkataan-perkataan seperti *seolah-olah*, *ibarat*, *seakan-akan*, *bak*, *seperti*, *laksana*, *macam*, *bagai* dan *umpama* (Malmkjear, 2005: 111). Dalam ayat "Budak itu lembu", 'lembu' ialah metafora. Dalam ayat "Budak itu bodoh seperti lembu", 'lembu' ialah simile kerana terdapat perkataan 'seperti' sebelum 'lembu'. Namun dalam disiplin ilmu balaghah Arab, huraian ini lebih menepati definisi *tasybih baligh* iaitu *tasybih* (perumpamaan) yang tidak dinyatakan *adat* (partikel) *tasybih* dan *wajh syabah*.

Dalam kajian ini, penggunaan istilah metafora yang dimaksudkan oleh pengkaji ialah khusus kepada unsur *isti'arat* yang telah dikenal pasti dalam hadith-hadith kitab *Riyad al-Salihin*. (Seperti yang diperincikan dalam subtopik 1.8.4).

1.8.2. al-Hadith

al-Hadith dari aspek bahasa ialah sesuatu yang baharu atau digunakan juga untuk ucapan dan percakapan (Nur al-Din 'Itr, 1992: 26). Di samping penggunaan istilah al-Hadith, turut digunakan istilah *al-Sunnat* dengan maksud yang sama (Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, 1993: 19, Abdul Latif Muda & Rosmawati Ali. 2001: 43).

al-Hadith dari aspek disiplin ilmu al-Hadith ialah apa-apa yang disandarkan kepada Nabi Muhammad S.A.W (al-Sayutiy, 1993: 29). Penyandaran ini sama

ada kepada kata-kata, perbuatan, pengakuan dan sifat berbentuk fizikal atau sifat berbentuk akhlak (Hammam 'Abd al-Rahim Sa'id, 1995).

Menurut kitab Mustika Hadis pula, al-Hadith pada istilah ialah berita-berita sabda Nabi S.A.W, perbuatannya, dan takrirnya (ketiadaan larangannya) terhadap sesuatu yang dilakukan orang setelah Baginda mengetahuinya, juga berita sifat tubuh badan dan keperibadiannya yang mulia (Mustika Hadis Rasulullah S.A.W, 2001).

Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) mendefinisikan al-Hadith sebagai sabda (perbuatan atau kelakuan) Nabi Muhammad S.A.W yang diriwayatkan oleh para sahabatnya (untuk menjelaskan atau menentukan sesuatu hukum Islam).

Tiap-tiap al-Hadith mempunyai *sanad*, iaitu salasilah (pertalian) yang terdiri daripada beberapa orang *rawi* (orang yang meriwayatkan al-Hadith) secara satu demi satu, mulai dari guru bagi seseorang pengumpul al-Hadith hingga kepada sahabat yang menerima sendiri al-Hadith itu daripada Rasulullah S.A.W.

Hadith juga mempunyai tingkatannya, iaitu tingkatan yang paling utama ialah hadith *mutawatir*, kedua hadith *sahih*, ketiga hadith *hasan*, dan keempat hadith *da'if*. Tingkatan ini terjadi berdasarkan kepada keadaan *sanad* dan juga kepada keadaan tiap-tiap seorang *rawi* hadith tersebut.

Para ulama telah mewajibkan kepada umat Islam supaya bersandar kepada hadith Rasulullah S.A.W kerana ia merupakan satu daripada rukun iman yang enam yang ada dalam agama Islam dan merupakan sumber rujukan kedua tentang tatacara hidup selepas al-Quran al-Karim.

1.8.3 Terjemahan Semantik dan Komunikatif

Terjemahan semantik cuba untuk mengemukakan, semampu boleh yang dibenarkan oleh struktur semantik dan sintaksis bahasa kedua, makna konteks yang tepat daripada teks asal (Newmark, 1988: 39).

Terjemahan komunikatif pula cuba untuk menghasilkan kesan ke atas pembacanya sehampir mungkin dengan kesan yang diperolehi oleh pembaca dalam teksnya yang asal (Newmark, 1988: 39).

Terjemahan komunikatif menumpukan perhatian kepada pembaca kedua yang tidak menjangkakan kesulitan dan kesamaran dan mungkin tidak mengharapkan pindahan unsur asing yang banyak dalam bahasanya jika perlu. Namun begitu, penterjemah masih perlu menghormati bentuk teks bahasa sumber itu sebagai satu-satunya asas bagi kerjanya.

Sebaliknya, terjemahan semantik tetap berkisar dalam budaya asal dan menolong pembaca hanya pada konotasi jika ia mengandungi mesej keinsanan yang penting dalam teks. Di bawah gagasan teori semantik komunikatif, Peter

Newmark telah memperkenalkan beberapa pendekatan bagi menterjemah elemen metafora.

Newmark telah menggariskan beberapa pendekatan yang dinamakan sebagai *prosedur terjemahan metafora*. Prosedur tersebut adalah seperti berikut:

1. Penghasilan semula imej yang sama dalam bahasa sasaran.
2. Penggantian imej dalam bahasa sumber dengan imej yang lazim dalam bahasa sasaran.
3. Penterjemahan metafora dengan perbandingan (simile).
4. Penterjemahan metafora dengan perbandingan campur maksud.
5. Penukaran metafora kepada pengertian.
6. Pelepasan
7. Metafora yang sama digabungkan dengan pengertian.

Majdi Ibrahim (2009: 104) semasa membicarakan teknik terjemahan *isti'arat* ke bahasa Melayu dengan menggunakan pendekatan Newmark ini, beliau tidak membataskan teknik terjemahan *isti'arat* sahaja tetapi turut mengambil kira semua teknik *bayan* seperti *tasybih*, *majaz*, dan *kinayat*. Beliau juga menggelarkan kesemua teknik ini dengan nama *isti'arat* secara umumnya kerana persamaan yang wujud antara kesemua elemen ini.

Analisis terhadap metafora dalam hadith KTRS akan dijalankan melalui parameter ini. Setiap pendekatan tersebut diperincikan dalam bab tiga kajian ini, iaitu semasa membicarakan metod yang diterima pakai dalam kajian ini.

1.8.4 *al-Isti'arat*

Dalam bahasa Arab, metafora dipanggil *isti'arat* dan merupakan salah satu elemen ilmu *al-bayan* dalam disiplin ilmu *balaghah* Arab (Maheram Ahmad, 2008: 18).

Isti'arat tergolong dalam elemen *majaz al-lughawiy*. Ia merupakan *tasybih* yang salah satu rukunnya telah dibuang (*musyabbah* atau *musyabbah bihi*), maka hubungan antara kedua-duanya ialah *al-musyabahah* (persamaan) ('Ali al-Jarim dan Mustafa Amin, 1979: 77, Hassan Habannakat, 1996: 229).

Manakala *Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab* (2002:11) membawa definisi *isti'arat* sebagai penggunaan sesuatu perkataan yang tidak mengikut pengertian asal kerana ada hubungan persamaan serta ada *qarinat* (petanda) yang menghalang daripada menggunakan pengertian asal.

Pada pandangan pengkaji, definisi kedua lebih hampir kepada definisi elemen yang menjadi asas bagi *isti'arat*, iaitu apa-apa yang dikenali sebagai *majaz lughawiy* sebagaimana yang telah diuraikan oleh al-Jarim dan Amin.

1.9. Kesimpulan

Dalam bab yang pertama ini, pengkaji menghuraikan asas bagi kajian ini meliputi pernyataan masalah, objektif, dan skop kajian. Asas ini menjelaskan rasional kajian ini serta hala tuju dalam bahagian seterusnya.

Pernyataan masalah bagi kajian ini menunjukkan bahawa penterjemahan metafora sering menimbulkan masalah kepada para penterjemah. Permasalahan ini hadir kerana dua aspek utama, iaitu aspek linguistik serta aspek budaya yang mempengaruhi sesuatu metafora. Kewujudan metafora dalam hadith Rasulullah S.A.W., sebagaimana yang telah dibuktikan oleh ilmuwan bahasa seperti Fadl Hassan 'Abbas, menimbulkan persoalan bagaimanakah metafora ini diterjemahkan dalam bahasa Melayu. Kewujudan teks KTRS mendorong isu ini diperbahaskan secara ilmiah.

Kajian penyelidikan terhadap KTRS bukan bertujuan untuk menyatakan kesalahan terjemahan al-Hadith yang telah dilakukan oleh penterjemah yang telah diiktiraf keilmuannya dalam bidang yang mereka ceburi, iaitu ilmu al-Hadith. Namun, kajian ini bertujuan mengemukakan terjemahan alternatif bagi terjemahan sedia ada, sekiranya ia kurang tepat atau salah.

Di samping itu, penterjemahan metafora Arab-Melayu teks KTRS adalah satu usaha untuk membantu para pendidik, pembaca karya Arab, dan para pelajar yang ingin menguasai bahasa Arab agar dapat memahami metafora bahasa Arab dengan padanan makna yang tepat dalam bahasa Melayu.

RUJUKAN

al-Quran al-Karim.

‘Abbas, Fadl Hassan. 1998. *al-Balaghat: Fununuha wa Afnanuha* (‘*Ilm al-Bayan wa al-Badi*’). ‘Amman-Jordan: Dar al-Furqan li al-Nasyr wa al-Tawzi’.

Abdullah Ishak. 1990. *Islam di Nusantara: Khususnya di Tanah Melayu*, Petaling Jaya: al-Rahmaniah.

Abdul Latif Muda & Rosmawati Ali @ Mat Zin. 2001. *Perbahasan Usul al-Ahkam*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Abdul Rahman Abdullah. 2007. *Sejarah dan Tamadun Islam*. Edisi kedua. Kedah: Pustaka Darussalam.

Abdul Wahid Jais. 2005. *Translation and Knowledge Transfer: Contributions in the Development of Civilizations*. Dalam: Terjemahan dan Pengglobalan Ilmu. PTS Professional Publishing.

Ahmad Sunawari Long. 2005. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Jabatan Usuluddin dan Falsafah. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ainon Mohd & Abdullah Hassan. 2008. *Teori dan Teknik Terjemahan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.

Ananiy, Muhammad. 2005. *Nazariyyat al-Tarjamat al-Hadithat: Madkhal Ila Mabhath Dirasat al-Tarjamat*. Qahirat: al-Syarikat al-Misriyyat al-‘Alamiyyat li al-Nasyr, Longman.

Asmah Hj. Omar. 1993. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Asmah Haji Omar 1996. *Metaphors of Anatomy as a Reflection of Malay Cultural Belief*. Jurnal Bahasa Jendela Alam Jilid 1.

al-‘Asqalaniy, ‘Ahmad bin ‘Ali bin Hajar. 1997. *Fath al-Bariy Syarh Sahih al-Bukhariy*. Riyad: Maktabat al-Salam.

al-‘Ainiy, Badr al-Din Mahmud bin Ahmad. 2001. *‘Umdat al-Qari Sahih al-Bukhariy*. Beyrut-Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyat.

Azman Che Mat. 2010. *Terjemahan Struktur Shibh al-Jumlah dalam Wacana Bahasa Arab: Analisis Sintaksis- Semantik*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaysia Terengganu.

- al-'Azim Abadiy, Abu al-Tayyib Muhammad Syams al-Haq. 1979. *'Awn al-Ma'bud Syarh Sunan Abi Daud*. Beyrut-Lubnan: Dar al-Fikr.
- Baker, Paul. 2010. *Sociolinguistics and Corpus Linguistics*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Bassnet, Susan. 1991. *Translation Studies*. London and New York: Routledge.
- Bassnet, Susan & Lefevere, Andre. 1998. *Constructing Cultures: Essays on Literary Translation*. Great Britain: Cromwell Press.
- Black, Jonathan Carteris. 2004. *Corpus Approaches to Critical Metaphor Analysis*. New York: Palgrave Macmillan.
- Butsyasyet, Jamal. 2004. *Namuzaj min al-Isti'araṭ fi al-Quran wa Tarjamatuha bi al-Lughat al-Injliziyyaṭ*. Tesis Sarjana. Kuliyyat al-Adab wa al-Lughat: Jami'at al-Jaza'ir
- Cresswell, J.W. 1988. *Qualitative Enquiry and Research Design, Choosing Among Five Traditions*. Thousand Oak: Sage.
- Faisal Ahmad Shah. 2011. Terjemahan Hadith Nabi S.A.W ke dalam bahasa Melayu: Analisis Terhadap Kitab *Riyad al-Salihin* Terbitan JAKIM dalam *al-Bayan: Journal of Quran and Hadith Studies*. Halaman: 63-93.
- al-Fayruzabadiy, Muhammad bin Ya'kub. 1991. *al-Qamus al-Muhit*. Beyrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab*. 1996. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab*. 2002. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Ahmad. 1988. *Penterjemah Ialah Seorang Profesional, dalam: Bahasa Sastera Buku, Cetusan Hassan Ahmad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Hawkes, T. 1972. *Metaphor*. London: Methuen & Co. Ltd.
- al-Hanbaliy, Ibn Rajab, 'Abd al-Rahman bin Syihab al-Din. 1980. *Jami' al-'Ulum wa al-Hikam fi Syarh Khamsin Hadithan min Jawami' al-Kalim*. Cet: Kelima. Qahirat: Dar al-Hadith.
- Ibn 'Asyur, Muhammad al-Tahir. 2008. *al-Tahrir wa al-Tanwir*. al-Dar al-Tunisiyyat li al-Nasyr.

- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukarram. 2003. *Lisan al-'Arab*. Beyrut: Dar Sadir.
- Ibrahim Zakiy Khur Syid. 1985. *al-Tarjamah wa Musykilatuha*. al-Hay'at al-Misriyyat al-'Ammah li al-Kitab.
- Idris Awang. 2001. *Kaedah Penyelidikan: Satu Sorotan*. Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya.
- 'Itr, Nur al-Din. 1992. *Manhaj al-Naqd fi 'Ulm al-Hadith*. Dimasyq: Dar al-Fikr li al-Taba'at wa al-Tawzi'.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri. 2011. *Inovasi dan Transformasi Dakwah JAKIM Melalui Media*. Kertas Kerja Seminar Islam GRID Kedua 5 Disember 2011.
- al-Jahiz, 'Amru bin Bahr. 1985. *al-Bayan wa al-Tabyin*. Semakan dan Huraian oleh 'Abd al-Sallam Harun. Cet.5. Qahirah: Matba'at al-Tunjiy.
- Dickins J, Hervey S., & Higgins, I. 2002. *Thinking Arabic Translation*. London: Routledge.
- al-Jarim, 'Ali dan Amin, Mustafa. 1979. *al-Balaghat al-Wadhat, al-Bayan-al-Ma'ani-al-Badi'*. Lubnan: Dar al-Ma'arif.
- Kamarudin Husin. 1995. *Laras Bahasa*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributions Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan*. Edisi keempat. 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik*. 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kazeim Youssefi. 2009. *An Analysis Of The Translation Of Metaphors in Hafiz's Selected Poems*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia
- Kennedy, Graeme. 1998. *An Introduction to Corpus Linguistics*. London: Addison Wesley Longman.
- al-Khatib, Muhammad 'Ajjaj. 1981. *al-Sunnat Qabl al-Tadwin*. Cet. Kelima. Beyrut: Dar al-Fikr.
- al-Khatibiy. 1982. *Gharib al-Hadith*. Markaz Bahth al-'Ilm: Jami'at Umm al-Qura.
- Lado, Robert. 1971. *Linguistics across Cultures: Applied Linguistics for Language Teachers*. The United States of America. The University of Michigan

- Lakoff, G & Johnson, M. 1980. *Metaphors We Live By*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Lyons, John. 1994. *Bahasa, Makna, dan Konteks*. Penterjemah: Zahrah Abdul Ghafur. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Maheram Ahmad. 2008. *Permasalahan Terjemahan Arab Melayu: Satu Analisis Teks Sastera*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Majdi Ibrahim. 2009. *al-Tarjamāt bayn al-'Arabiyyāt wa al-Malayuwiyyāt: al-Nazariyāt wa al-Mabādī'*. IIUM Press.
- Majdi Ibrahim & Saupi Man. 2008. *Kaedah Penterjemahan Struktur Ayat Balaghah di dalam al-Qur'an*. Dalam: Membina Kepustakaan dalam Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Malmkjaer, Kirsten. 2010. *Linguistics and The Language of Translation*. Edinburgh: Edinburgh University Press Ltd.
- Maryam Salamat. 1998. *al-Tarjamāt fi al-'Asr al-'Abbasiy: Madrasāt Hunayn bin Ishaq wa Ahammiyyatuha fi al-Tarjamāt*. Terjemahan Najib Ghazawiy. Dimasyq: Mansyurat Wizarat al-Thaqafat.
- al-Maydaniy, 'Abd al-Rahman Hassan Habannakat. 1996. *Al-Balaghāt al-'Arabiyyāt: Ususuha wa 'Ulumuha wa Fununuha*. Dimasyq: Dar al-Qalam.
- Mcenery. T. and Wilson. A. 2004. *Corpus linguistic: An Introduction*. Edinburgh: University Press Ltd.
- Mohd Hilmi Abdullah. 2008. *Teori dan Kaedah Penterjemahan Arab-Melayu*. Kota Bharu: Pustaka HILMI.
- al-Mubarakfuriy, Muhammad 'Abd al-Rahman bin 'Abd al-Rahim. 2001. *Tuhfat al-Ahwazī bi Syarh Jami' al-Tirmiziy*. Beyrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyāt.
- Muhammad 'Awniy, 'Abd al-Rauf. 2008. *Tarikh al-Tarjamāt al-'Arabiyyāt bayn Syarq al-'Arabiyy wa al-Gharb al-Urubiy*. Qahirat: Maktabat al-Adab.
- Muhammad Bakri Aziz@ saari. 2010. *Ketepatan Padanan Terjemahan Puisi Arab dalam Kitab La Tahzan: Satu Analisis Bandingan*. Tesis Sarjana. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Bukhari Lubis. 1993. *Menerjemahkan Idiom Bahasa Arab ke dalam Bahasa Melayu: Beberapa Pengamatan*. Kertas Kerja Seminar Terjemahan Arab-Melayu. Anjuran UKM dan DBP. Kuala Lumpur.

- Muhammad Bukhari Lubis. 1998. *Penerjemahan Arab-Melayu: Peraturan dan Dasar*. Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad Bilu. 1979. *Min Balaghat al-Sunnat*. Syari' al-Suq al-Tawfiyyat: Maiba'at Atlas.
- Muhammad Fauzi Jumingan. 2003. *Penterjemahan Bahasa Figuratif Arab Melayu: Satu Analisis Teori Relevan*. Tesis Doktor Falsafah. Institut Alam dan Tamadun Melayu. UKM.
- Muhammad Fauzi Jumingan. 2006. *Terjemahan atau Penterjemahan: Satu Analisis Korpus Data Berkomputer*. Dalam: Terjemahan dan Pengglobalan Ilmu. PTS Professional Publishing.
- Muhammad Fauzi Jumingan. 2006. *Glosari Pengajian Ilmu Penterjemahan dan Interpretasi*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Muhammad Imran Ahmad. 2007. *Naql al-Suwar al-Bayaniyyat min al-'Arabiyyat ila al-Malayuwiyyat: Dirasat Tahliliyyat fi Tarjamat Ibn Battutah*. Tesis Sarjana. UIAM.
- Muhammad Nor Ibrahim. 2007. *Mustika Hadith Rasulullah S.A.W*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Muhammad Syukri bin Abdul Rahman. 2010. *Analisis Isti'arat dalam Kitab Riyad al-Salihin*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Universiti Malaya.
- al-Munawiy, 'Abd al-Rauf. 1972. *Fayd al-Qadîr Syarh al-Jamî al-Saghir*, Cet. kedua. Beyrut-Lubnan: Dar al-Makrifat.
- al-Munawiy, 'Abd al-Rauf. T.th. *Fayd al-Qadîr Syarh al-Jamî al-Saghir*. Qahirat: Dar al-Hadith.
- Munday, Jeremy. 2001. *Introduction to Translation*. London: Routledge.
- al-Nahwi, Khalil. 1991. *al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasiy*. Tunis: Larus
- al-Nawawiy, Muhy al-Din, Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf. *Riyad al-Salihin*. Beyrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- al-Nawawiy, Muhy al-Din, Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf. 2003. *Riyad al-Salihin*. Beyrut: Dar al-Salam li al-Taba'at wa al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- al-Nawawiy, Muhy al-Din, Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf. *Al-Minhaj: Syarh Sahih Muslim*. Beyrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

- Noraini Idris. 2010. *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Newmark, Peter. 1988. *Approaches to Translation*. United Kingdom: Prentice Hall International.
- Newmark, Peter. 1994. *Pendekatan Penterjemahan*. Terjemahan: Zainab Ahmad dan Zaiton Ab. Rahman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Newmark, Peter. 2006. *al-Jam' fi al-Tarjamah*, (A Textbook of Translation). Terjemahan: Hassan Ghazzalat. Beirut: Dar wa Maktabat Hilal.
- Nida. E. A & Taber. C.R. 1982. *The Theory and Practice of Translation*. E.J. Brill: Leiden.
- Norwati Md. Yusuf. 2003. *Saranan Kajian Korpus Terbanding dan Korpus Selari*. Himpunan kertas kerja persidangan penterjemahan antarabangsa ke-9. Hlm: 67-77.
- Norwati Md. Yusof. 2005. *Teori Terjemahan: Keperluan Berteori dalam Konteks Terjemahan di Malaysia*. Dalam: Terjemahan dan Pengglobalan Ilmu. PTS Professional Publishing.
- Olohan, Maeve. 2004. *Introducing Corpora in Translation Studies*. Routledge.
- Othman Lebar. 2007. *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Palumbo, Giuseppe. 2009. *Key Terms in Translation Studies*. London: Continuum International Publishing Group.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. 2012. *Meneroka Penterjemahan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- al-Qardawiy, Yusof. 2006. *Kayf Nata'amal Ma'a al-Sunnat al-Nabawiyyat*. Qahirat: Dar al-Syuruq.
- al-Qariy, 'Ali bin Sultan Muhammad. 2001. *Mirqat al-Mafatih Syarh Misykat al-Masabih*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat.
- al-Radhiy, al-Syarif. 1967. *al-Majazat al-Nabawiyyat*. Semakan Taha Muhammad al-Zayniy. Qahirat: Maiba'at al-Fajalat al-Jadida.
- Rahman Shaari. 1993. *Memahami Gaya Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Reiss, Katharina. 2011. *Kritikan Terjemahan: Potensi dan Batasan*. Penerjemah: Noor Ida Ramli. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Rendro Hetrastuti, M.R. Nababan dan Tri Wiratno. 2013. *Kajian Metafora Yang Menunjukkan Sikap Dalam Buku Motivasi 'The Secret'*. Dalam *Transling Journal: Translation and Linguistics*. Halaman: 21-35.
- Rosni Wazir. 2010. *Metodologi Terjemahan Kitab Hadith 40 Oleh Mustafa Abdul Rahman dan Asbiran Yaacob*. Dalam: Jurnal Pengajian Islam, Pusat Penyelidikan dan Pembangunan & Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- al-Sayutiyy, Jalal al-Din. 1993. *Tadrib al-Rawiy fi Syarh Taqrib al-Nawawiy*. Cet. Kedua. al-Riyad: Maktabat al-Kawthar
- al-Sayutiyy, Jalal al-Din. 1994. *Sunan al-Nasa'iy bi Syarh al-Hafiz Jalal al-Din al-Sayutiyy*. Cet. Ketiga. Beirut: Dar al-Ma'rifa.
- Sa'id, Hammam 'Abd al-Rahim. 1995. *al-Tamhid fi 'Ulum al-Hadith*. 'Amman: Dar al-Furqan.
- Sharmini Abdullah. 2013. *Metaphors In The Translation Of English Technical Texts Into Malay: A Preliminary Study*. Dalam: *Journal of Asian Scientific Research*. Halaman: 608-629.
- Semino, Elena. 2008. *Metaphor in Discourse*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- al-Siba'iy, Mustafa. 2010. *al-Sunna' wa Makanatuha fi al-Tasyri' al-Islamiyy*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- al-Siddiqiy, Muhammad bin 'Allan. 1995. *Dalil al-Falihin Syarh Riyad al-Salihin*. Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat.
- Suziana Mat Saad. 2005. *Terjemahan Metafora Melayu ke Bahasa Perancis: Analisis Novel Salina*. Tesis Sarjana. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Universiti Malaya.
- Syed Nurul Akla. 2001. *Faktor Leksiko-Budaya dalam Terjemahan Arab-Melayu: Satu Analisis Karya Rihlah Ibn Batutah*. Tesis Sarjana. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Universiti Malaya.
- Tan, Willie. 2004. *Practical Research Methods*. Second Edition. Prentice Hall. Singapore: Pearson Education South Asia Pte Ltd.

al-Tayyibiy, al-Husseyin bin 'Abd Allah bin Muhammad. 1997. *al-Kasyif 'an Haqa'iq al-Sunan*. Semakan: 'Abd al-Hamin Hindawiy. Maktabat Nizar Mustafa al-Baz.

Terjemahan Riyad al-Salihin. 1994. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

al-'Uthaymin, Muhammad bin Salih. 1425H. *Syarh Riyad al-Salihin min Kalam Sayyid al-Mursalin*. Madar al-Watan li al-Nasyr.

Yasuf, 'Ahmad. 2006. *al-Surat al-Fanniyyat fi al-Hadith al-Nabawiy al-Syanif*. al-Taba'at al-Thaniyyat. Dimasyq: Dar al-Maktabiy.

Yaqut, 'Ahmad Sulayman. t.th. *Fi 'Ilm al-Lughat al-Taqabuliyy*. Iskandariyyat: Dar al-Ma'rifat al-Jam'iyyat.

Zanjir, Muhammad Rif'at Ahmad. 2007. *Dirasat fi al-Bayan al-Nabawiy*. Dimasyq: Dar Iqra'.

BIODATA PELAJAR

Pelajar bernama Saifulah bin Samsudin merupakan anak jati negeri Pahang Darul Makmur. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Ahmad yang terletak di Bandar Pekan. Seterusnya, pada tahun 1989, meneruskan pelajaran di peringkat menengah di Sekolah Menengah Agama al-Attas, Pekan. Berbekalkan keputusan SPM, penulis telah melanjutkan pelajaran di Universiti Yarmouk yang terletak di daerah Irbid, Jordan pada tahun 1995 sehingga 1999. Pengkhususan pelajar adalah bidang bahasa dan kesusasteraan Arab.

Setelah pulang ke tanah air, pelajar melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana pengajian Islam (Bahasa Arab) di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Fokus pengkhususan pelajar pada peringkat ini ialah pada bidang sejarah sastera Arab (*tarikh al-adab al-'arabiyy*). Pada tahun 2000 pelajar memulakan kerjaya sebagai salah seorang tenaga pengajar di Kolej Islam Antarabangsa Selangor (KISDAR) di jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Arab, Sekolah Pengajian Islam. Sehingga hari ini pelajar masih bertugas di institusi pengajian tinggi tersebut.

SENARAI PENERBITAN

Jurnal

Saifulah Samsudin, Muhammad Fauzi Jumingan, Abdul Rauf Hassan & Zulkifli Ismail. 2015. Permasalahan Dalam Penterjemahan Metafora Dalam Hadis: Pendekatan Teori Semantik Komunikatif. *Journal of Sultan Alaudin Sulaiman Syah*, Vol.2.

Saifulah Samsudin, Muhammad Fauzi Jumingan, Abdul Rauf Hassan & Zulkifli Ismail. 2015. Peranan Kitab *Shuruh Al-Hadis* Dalam Penterjemahan Metafora: Fokus Kepada Kitab *Dalil Al-Falihin*. *HADIS Jurnal Ilmiah Berwasit*, Institut Kajian Hadis, KUIS. Bil: 9

Prosiding

Saifulah Samsudin, Muhammad Fauzi Jumingan, Abdul Rauf Hassan & Zulkifli Ismail. 2012. Terjemahan Metafora Dalam Hadis Rasulullah S.A.W. Prosiding Nadwah Bahasa dan Kesusasteraan Arab Ke III-UPM.

Saifulah Samsudin, Muhammad Fauzi Jumingan, Abdul Rauf Hassan & Zulkifli Ismail. 2014. Terjemahan Metafora Dalam Hadis Rasulullah S.A.W: Analisis Aspek Budaya. Prosiding International Conference On Arabic Studies & Islamic Civilization (ICASIC).

Zulkifli Ismail, Abd Halim Muhammad, Wan Muhammad Wan Sulong & Saifulah Samsudin, 2012. Terjemahan Gambaran Retorika Dalam Qasidah Maulud Al-Dayba'i. Prosiding Nadwah Bahasa dan Kesusasteraan Arab Ke III-UPM.